



## TEKS UCAPAN

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK,  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**MAJLIS MAKAN MALAM PENAUNG TAHUN 2022  
MAJLIS DATO'-DATO' NEGERI PULAU PINANG  
PADA 26 OGOS 2022 (JUMAAT) JAM 8:30 MALAM  
DI SHANGRI-LA RASA SAYANG RESORT & SPA, PULAU PINANG**

*Bismillahirahmanirrahim*

YAB Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

YBhg Dato' Seri Haji Abdul Rafique bin Abdul Karim

Presiden Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang

YBhg Dato' Seri Choot Ewe Seng

Timbalan Presiden Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang

YBhg Dato' Seri Kenny Ong Kean Lee

Mantan Presiden Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang

dan YBhg. Datin Seri Saisunee Ong

Yang Arif Tuan Mohd Radzi bin Abdul Hamid

Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang

Ahli-ahli Majlis Pengurusan Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang

YBhg Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri

YBhg Dato' Seri-Dato' Seri dan Datin Seri-Datin Seri

YBhg Dato'-Dato' dan Datin-Datin

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.

1. Saya dan Toh Puan mengucapkan terima kasih di atas jemputan untuk menghadiri, buat kali pertama, Majlis Makan Malam Penaung Tahun 2022, anjuran Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang pada malam ini.
  
2. Saya percaya Majlis Makan Malam ini amat bermakna sekali bagi Ahli-ahli Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang selepas tiga (3) tahun tidak dapat diadakan oleh kerana pandemik COVID-19.

3. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Presiden dan semua Ahli-ahli Majlis di atas kejayaan menganjurkan Majlis ini serta usaha-usaha yang dijalankan selama ini bagi mengekalkan Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah organisasi bukan kerajaan yang berpengaruh di negeri ini.

4. Sebagai Penaung Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang, saya amat berbangga sekali dimaklumkan mengenai pencapaian dan kejayaan Majlis di bawah pimpinan YBhg Dato' Seri Haji Abdul Rafique bin Abdul Karim dan Presiden-Presiden Majlis yang lalu.

5. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Majlis kerana telah berjaya memupuk semangat muhibah dan perpaduan di kalangan ahli yang berbilang kaum dan profesi supaya bekerjasama rapat untuk mencapai objektif Majlis. Berbagai-bagai program dan aktiviti yang membawa faedah dan impak positif kepada masyarakat umum di Negeri Pulau Pinang telah berjaya dilaksanakan. Ini termasuk;

i. Sumbangan berjumlah **Ringgit Malaysia dua puluh enam ribu (RM26,000.00)** dari Tabung Derma Kebajikan Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang untuk pembelian peralatan perubatan COVID kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang pada 22 Jun 2021;

- ii. Sumbangan Majlis melalui Tabung Derma Kebajikan sebanyak **Ringgit Malaysia sepuluh ribu (RM10,000.00)** untuk pembelian sebuah van ambulan kedua kepada Komuniti Ambulan Sungai Ara, sebuah badan bukan kerajaan pada tahun sama;
- iii. Sumbangan kaki palsu kepada individu-individu tertentu yang memerlukan;
- iv. Pemberian Anugerah Belia Cemerlang dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun ini. Penganugerahan-penganugerahan ini saya percaya bukan sahaja merupakan penghormatan dan penghargaan kepada penerima sendiri, tetapi diharap akan memberi dorongan dan galakan kepada individu-individu lain untuk belajar, bekerja atau berkhidmat bersungguh-sungguh ke arah mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi dalam bidang masing-masing. Saya harap pihak Majlis akan meneruskan pemberian anugerah-anugerah ini di samping mengenalpasti dan menimbaangkan pemberian anugerah-anugerah baru supaya mereka yang berjaya dalam bidang-bidang lain juga akan dapat diberi penghormatan dan penghargaan yang sama.

6. Negeri Pulau Pinang patut berbangga kerana mempunyai banyak organisasi dan badan-badan bukan kerajaan yang meliputi pelbagai profesi dan bidang. Setiap organisasi mempunyai fungsi dan objektif masing-masing. Namun saya percaya semua organisasi mempunyai satu objektif umum, iaitu memberi sumbangan dan perkhidmatan secara sukarela untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat, terutama mereka yang memerlukan bantuan, sama ada dalam bentuk kewangan atau bentuk-bentuk yang lain.

7. Dalam hal ini, Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang juga tidak ketinggalan. Saya harap pihak Majlis akan meneruskan inisiatif dan usaha-usaha murni yang telah dijalankan selama ini. Saya yakin usaha-usaha sedemikian akan disambut baik serta mendapat sokongan sewajarnya dari pihak Kerajaan Negeri.

8 Seperti mana kita sedia maklum, walaupun Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang merupakan sebuah NGO, keahlian Majlis adalah amat unik, istimewa dan berprestij sekali. Ini adalah memandang kepada syarat asas keahlian Majlis, yang hanya menghadkan kelayakan menjadi ahli kepada individu yang telah dianugerahkan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat (DKBP) Kehormatan yang membawa gelaran Dato' daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

9. Secara am, Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat (DKBP) Kehormatan adalah dianugerahkan kepada mereka yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan atau telah mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang tertentu serta memberi sumbangan sewajarnya kepada masyarakat, negeri dan negara. Oleh itu, semua Ahli Majlis harus merasa bangga dengan keistimewaan keahlian ini dan seterusnya berusaha memainkan peranan yang aktif serta berganding bahu menggembung tenaga untuk mencapai objektif Majlis. Di samping itu adalah penting imej Majlis sentiasa dipelihara melalui pengamalan peribadi baik serta ditingkatkan dengan penglibatan dan sumbangan ikhlas berterusan kesemua Ahli Majlis demi kepentingan dan kebajikan rakyat Pulau Pinang.

10. Sebagai mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Presiden dan semua Ahli Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang. Semoga Majlis ini akan terus maju pada masa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*